



Tangani masalah kemiskinan bandar

Pastikan golongan B40 mampu berdikari, ada pekerjaan

MASALAH kemiskinan bandar menjadi fokus utama Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dengan penyelesaian secara terperinci bakal dirangka.

Menterinya, Khalid Abd. Samad yang menyifatkan perkara tersebut agak meruncing berkata, pihaknya berusaha mengerakkan semua agensi di bawah kementerian untuk men-

cari penyelesaian terutama menyediakan peluang pekerjaan kepada golongan B40 di bandar bagi membolehkan mereka berdikari.

BERITA PENUH DI MUKA 2

Portal Residensi Wilayah lebih mesra pengguna

PUTRAJAYA - Proses permohonan pembelian rumah Residensi Wilayah melalui portal baharu bagi menggantikan portal Rumawip sedia ada dilihat lebih mesra pengguna dengan menggunakan aplikasi telefon pintar.

Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd. Samad berkata, penambahbaikan tersebut akan memberi kemudahan kepada pemohon yang berminat untuk mengetahui mengenai projek Residensi Wilayah.

"Elemen infografik, mesra pengguna dan responsif kepada peranti luar seperti iPhone, iPad dan tablet menjadi tarikan utama kepada pengguna.

"Ia akan menjadi lebih mudah kepada pengguna untuk melayari laman web bagi mendapatkan maklumat terkini utamanya mengenai projek-projek perumahan," katanya pada Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Wilayah Persekutuan di sini baru-baru ini.

Hadir sama timbalannya, Datuk Dr. Shahrudin Md. Salleh dan Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Saripuddin



KHALID (kiri) dan Saripuddin menunjukkan aplikasi untuk orang ramai memohon rumah Residensi Wilayah secara atas talian pada Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Wilayah Persekutuan di Putrajaya baru-baru ini.

Kasim

Dalam pada itu, Khalid berkata, kementerian menaikkan syarat kelaya-

kan umur bagi permohonan Residensi Wilayah daripada 18 tahun kepada 21 tahun bagi menjamin kesediaan pem-

beli membiayai pinjaman perumahan berkenaan.

"Sebelum ini umur 18 tahun tidak munasabah kerana ada yang masih bersekolah dan tidak bekerja. Ada kemungkinan nama mereka disalah guna pihak lain untuk membeli rumah," katanya.

Kata Khalid lagi, terdapat sebanyak 280,000 permohonan Residensi Wilayah dengan 5,600 adalah pemohon berumur 18 tahun. Tambahnya, daripada jumlah itu, hanya dua peratus atau 10 orang yang diluluskan dengan kebanyakannya dibiayai oleh ibu bapa masing-masing.

Menurutnya, status pencapaian keseluruhan pelaksanaan Residensi Wilayah adalah sebanyak 47,889 unit daripada 70 projek sejak 1 Julai tahun lepas.

"Kementerian juga telah membuat beberapa penambahbaikan bagi memantapkan lagi dasar rumah mampu milik di Wilayah Persekutuan antaranya menetapkan keluasan minimum 900 kaki persegi berbanding 800 kaki persegi sebelum ini," katanya.

Mahu golongan B40 berdikari, mempunyai pekerjaan

Fokus atasi kemiskinan bandar

Oleh **HELMI MOHD. FOAD**
helmiwilayahku@gmail.com

PUTRAJAYA - Kementerian Wilayah Persekutuan akan mencari jalan penyelesaian yang menyeluruh bagi menangani masalah kemiskinan bandar terutama di ibu kota.

Menterinya, Khalid Abd. Samad yang menyifatkan perkara tersebut agak meruncing berkata, pihaknya berusaha mengerakkan semua agensi di bawah kementerian untuk mencari penyelesaian terutama menyediakan peluang pekerjaan kepada golongan miskin di bandar.

Usaha tersebut menjadi antara fokus utama beliau dalam menerajui kementerian terbabit.

"Seperti mana dinyatakan makanan tidak cukup, ada kanak-kanak yang pertumbuhannya terbantut dan sebagainya. Ini adalah isu yang perlu kita peka dan cari penyelesaian.

"Kita ada beberapa kaedah yang kita usahakan, kalau tidak dapat selesaikan semua kita tangani dalam 20 hingga 30 peratus masalah tersebut, misalnya tidak dapat bayar sewa ru-



MASALAH kemiskinan bandar perlu ditangani secara holistik. - Gambar hiasan

mah, makanan tidak cukup dan tidak ada pekerjaan, ini semua kita cuba mencari penyelesaian dengan membantu mereka memberikan kerja dan kemudahan seperti mikro kredit yang sedang kita usahakan untuk warga Wilayah Persekutuan," katanya dalam wawancara sempena setahun menerajui kementerian terbabit sejak 1 Julai tahun lepas di sini baru-baru ini.

Khalid yang juga Ahli Parlimen Shah Alam berkata, kementerian sedang bekerjasama

dengan sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk menganjurkan satu seminar antarabangsa berkaitan kemiskinan bandar pada September ini.

"Kita akan membawa pakar dari India dan Filipina iaitu mereka yang mempunyai pengalaman dalam menangani kemiskinan bandar.

"Masalah kekurangan nutrisi ada hubung kait dengan kemiskinan bandar. Bagi kementerian, masalah kemiskinan ban-

dar adalah isu besar yang perlu ditangani dan kita perlu dapat (kongsi) pengalaman dan pandangan daripada pihak luar untuk cari penyelesaian," katanya.

Akui beliau, memang sebelum ini ada usaha pihak NGO seperti Food Bank dan bawakan makanan ke Projek Perumahan Rakyat (PPR) namun masalah sebenarnya sekarang ialah bagaimana mendapatkan pekerjaan untuk mengatasi kemiskinan.

"Antaranya beri pekerjaan

kepada mereka yang mempunyai tunggakan bayaran sewa di PPR. Apa kita buat ialah beri pekerjaan seperti jadi kakitangan pembersihan di PPR mereka. Dengan bayaran bulanan, mereka dapat bayar sewa dan tunggakan serta atasi kekurangan makanan.

"Kita juga ada mikro kredit dan projek kebun bandar. Kita cari pendekatan beri peluang kepada penduduk B40 untuk berdikari. Jadi masalah pelajar ponteng sekolah kerana bantu ibu bapa akan dapat diatasi," katanya.

Laporan Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) tahun lalu memberikan gambaran yang lebih kritikal khususnya melibatkan golongan miskin bandar.

Berdasarkan kajian itu, tinjauan daripada 17 PPR di sekitar Kuala Lumpur mendapati masalah kemiskinan bandar berkait rapat dengan masalah kekurangan zat makanan dalam kalangan kanak-kanak iaitu sebanyak 10 peratus kanak-kanak menikmati kurang daripada tiga hidangan sehari.

Ikuti wawancara penuh di muka 6 dan 7

MOHD. NAJIB

Kerja kemasyarakatan bukan bermusim

Oleh AZLAN ZAMBRY

azlanwilayahku@gmail.com

PENGALAMAN yang diraih dalam kerja kemasyarakatan dan kebajikan semasa aktif di dalam pertubuhan pelajar satu ketika dahulu telah berjaya membuka mata Mohd. Najib Mohd. Yusoff, 30 untuk meneruskan bakti walau di mana sahaja berada.

Bagi Eksekutif di Agrobank Kuala Lumpur ini, sesuatu jawatan yang ditawarkan bukanlah untuk dijadikan sebagai satu kemegahan sebaliknya tanggungjawab yang perlu dipikul untuk membantu masyarakat.

"Jawatan memberikan peluang untuk kita menggilap bakat ke-pimpinan dan menggilap



potensi untuk lebih matang dalam mengendalikan urusan rakyat," katanya kepada Wilayahku baru-baru ini.

Mohd. Najib yang dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MP-PWP) Parlimen Lembah Pantai Sub Zon 6 menggalas amanah mengendalikan penduduk di kawasan Jalan Klang Lama, Sentosa Utara dan Sentosa Selatan.

"Lokasi tersebut merupakan kawasan yang bercampur dan memerlukan toleransi yang tinggi ketika berhadapan mahupun berkomunikasi dengan penduduk pelbagai kaum," katanya.

Kata Mohd Najib, walaupun berpengalaman dalam kerja-kerja kebajikan, dia mengalami pengalaman berbeza apabila perlu menyantuni rakyat pelbagai kaum.

"Setiap kaum mempunyai sensitiviti tersendiri, begitu juga dengan pegangan agama masing-masing na-

mun di sinilah saya belajar berkomunikasi dengan mereka.

"Bandar raya Kuala Lumpur terserlah keunikannya kerana masyarakat pelbagai kaum dan agama yang bersatu padu selain bebas mengamalkan budaya dan agama masing-masing tetapi masih boleh hidup dengan aman dan tenteram," katanya.

Jelas Mohd. Najib, sesuatu aktiviti kemasyarakatan yang diadakan menjadi lebih meriah jika melibatkan pelbagai lapisan masyarakat.

"Anggota masyarakat terlibat aktif dan ini mungkin disebabkan mereka teruja untuk membantu kerajaan baharu," katanya

Pemuda yang berasal dari Alor Setar, Kedah ini mengakui berasa puas melakukan aktiviti melibatkan orang ramai dari pelbagai lapisan masyarakat.

Anak bongsu dari 10 adik beradik ini menasihati kepada anak muda yang cenderung dalam kerja-kerja kebajikan kemasyarakatan perlu konsisten dan tidak bermusim.

"Jalankan amanah dengan baik, adil dan saksama tanpa mengira usia, agama dan kaum. Jangan harapkan balasan sebaliknya lakukan dengan seikhlas hati, barulah kita gembira dengan apa yang kita laksanakan," nasihatnya.

Resepi penerima Anugerah Pelajar Cemerlang program tuisyen DBKL

Hormati guru, disiplin mengulang kaji

Oleh AZLAN ZAMBRY

azlanwilayahku@gmail.com

KUALA LUMPUR – Sentiasa menghormati guru-guru, tumpukan perhatian dalam pelajaran dan berdisiplin dalam mengulang kaji pelajaran setiap hari merupakan kunci utama bagi seorang pelajar yang menerima Anugerah Tokoh Peperiksaan PT3 2018 anjuran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di sini baru-baru ini.

Nur Hannani Athirah Rosli, 16, yang merupakan pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Permaisuri di sini berkata, dia mengulang kaji pelajaran selama kira-kira dua jam setiap hari.

"Saya akan selalu bertanya kepada guru sekiranya tidak dapat memahami pelajaran selain sering mengadakan perbincangan bersama rakan-rakan sekelas," katanya kepada Wilayahku baru-baru ini.

Nur Hannani yang merupakan anak



SHAHRUDDIN (tengah) bergambar bersama penerima Anugerah Pelajar Cemerlang program tuisyen DBKL baru-baru ini.

kedua dari dua adik beradik bercita-cita untuk menjadi doktor pakar kanak-kanak berkata, dorongan kedua-dua

ibu bapa menjadi pembakar semangat kepadanya untuk mencapai kejayaan

"Saya melahirkan kesyukuran ker-

ana mendapat bimbingan melalui program NADI anjuran DBKL dan berharap dapat mengekalkan kejayaan dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun hadapan," katanya yang mencatat keputusan 8A 2B dalam PT3 tahun lalu.

Terdahulu Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Dr. Shahrudin Md. Salleh menyampaikan anugerah kepada 123 pelajar cemerlang melibatkan 65 murid bagi Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR); Ujian Pencapaian Sekolah Rendah Agama (18); PT3 (31) dan 9 pelajar lepasan SPM.

Shahrudin berkata, program tuisyen di bawah inisiatif DBKL itu melibatkan 105 buah sekolah di seluruh ibu kota.

"Program ini menyasarkan pelajar-pelajar yang menghuni di Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) bagi memastikan mereka menjadi pelajar cemerlang," katanya.